



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

MOT , MIROS DENGAN KERJASAMA JPJ, PENGENDALI PERKHIDMATAN DAN PENGHANTAR BERGABUNG TENAGA UNTUK KESELAMATAN PENUNGGANG P-HAILING DI MALAYSIA

Penularan virus COVID-19 di Malaysia telah mengakibatkan ramai rakyat di negara ini memilih untuk mencari sumber pendapatan dengan menyertai industri ekonomi gig. Sehingga kini, dianggarkan seramai 60,000 orang telah mendaftar sebagai penghantar bagi perkhidmatan penghantaran makanan dan bungkusan (*parcel*) menggunakan motosikal atau p-hailing di Malaysia.

Pendaftaran penunggang baharu dianggarkan sehingga 200 orang setiap hari dan trend ini dijangka akan bertambah sehingga ekonomi rakyat kembali stabil. Kebanjiran kumpulan ini di jalan raya mengundang kontroversi apabila sering dikaitkan dengan pelanggaran peraturan lalu lintas dan kemalangan melibatkan penunggang p-hailing dan kenderaan yang lain.

Kajian pemerhatian oleh pihak MIROS melalui kamera litar tertutup mendapati 70 peratus penunggang p-hailing menunjukkan tingkah laku berisiko pada waktu puncak. Berhenti di petak kuning dan melanggar lampu merah merupakan kesalahan tertinggi yang direkodkan sepanjang tempoh pemerhatian selain daripada kesalahan menggunakan (memegang) telefon mudah alih ketika menunggang. Statistik dari Jabatan Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik, Polis Diraja Malaysia merekodkan lebih daripada 7,525 kemalangan jalan raya melibatkan 2,576 kematian penunggang motosikal telah dilaporkan sepanjang tempoh sembilan bulan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada tahun 2020 yang lalu.





KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
MALAYSIA

Selaras dengan usaha kerajaan untuk mengurangkan kadar kemalangan dan kecederaan dalam industri ini, Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) bersama dengan agensi di bawahnya iaitu Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS) dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dengan kerjasama operator perkhidmatan dan Persatuan Penghantar P-Hailing Malaysia (PENGHANTAR) akan melaksanakan **Kempen Keselamatan Penunggang P-Hailing dengan tema 'Penunggaran Cermat, Penghantaran Selamat'**. Kempen ini dijangka akan berlangsung selama enam (6) bulan bermula pada bulan April hingga September tahun 2021.

Penganjuran kempen ini adalah untuk **meningkatkan kesedaran penunggang p-hailing terhadap kepentingan menjaga keselamatan diri dan pengguna jalan raya yang lain semasa membuat penghantaran** bagi mengurangkan kadar kemalangan jalan raya melibatkan penunggang p-hailing.

Antara aktiviti yang akan diadakan sepanjang kempen ini adalah **hebahan pelaksanaan kempen melalui 'roadshow'** yang tidak tertumpu kepada penunggang p-hailing sahaja, malah risalah keselamatan penunggang p-hailing turut diberikan kepada orang awam sebagai pengguna kepada perkhidmatan ini. Selain itu, **mesej keselamatan jalan raya juga akan disampaikan melalui pop-up aplikasi yang digunakan oleh operator**. Setiap kali penunggang p-hailing menerima pesanan, mesej dan peringatan keselamatan jalan raya akan diterima oleh penunggang tersebut. **Sesi taklimat dan peringatan mengenai keselamatan jalan raya** akan disampaikan oleh ketua kawasan/*captain/chief pilot* kepada penunggang p-hailing di bawah seliaan beliau sebelum memulakan tugas. MOT dan agensi di bawahnya juga akan melaksanakan **teguran atau peringatan** secara langsung kepada semua penunggang motosikal di persimpangan lampu isyarat yang dilengkapi kamera litar tertutup dan sistem pembesar suara.





KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
MALAYSIA

Pihak MIROS pula akan **menawarkan khidmat latihan penunggangan selamat** kepada operator dan penunggang p-hailing yang berminat. Latihan ini merangkumi aspek keselamatan perjalanan, ujian diagnostik tingkah laku (UBAHLAKU), pemeriksaan dan penyelenggaraan motosikal dan penunggangan *defensive*. Keberkesanan kempen akan **dipantau dari semasa ke semasa melalui aktiviti pemerhatian** tingkah laku penunggang p-hailing melalui kamera litar tertutup. Kesalahan lalu lintas yang dilakukan oleh penunggang motosikal akan direkodkan dan dilaporkan kepada kementerian dan operator perkhidmatan.

Menurut Ketua Pengarah MIROS, PPj. Kehormat (PA) Ir. Ts. Dr. Khairil Anwar Abu Kassim, kesalahan trafik yang dilakukan oleh penunggang p-hailing tidak seharusnya diletakkan di atas bahu penunggang sahaja. Faktor penggajian dan tuntutan pelanggan turut menyumbang kepada tingkah laku penunggangan berbahaya di jalan raya. Justeru, operator dan pelanggan perlu memainkan peranan dalam memastikan kempen ini dapat menghasilkan output yang diinginkan. Selain itu, penghargaan seperti insentif atau imbuhan perlu diberikan kepada penunggang p-hailing yang mengamalkan budaya penunggangan yang selamat.

MOT berharap dengan penganjuran kempen ini dan kerjasama dari pelbagai pihak akan memberi impak positif kepada keselamatan penunggang p-hailing di Malaysia. Pengiktirafan dan kerjasama dari syarikat perkhidmatan penghantaran ini merupakan langkah proaktif kerajaan untuk mendidik tingkah laku penunggangan yang berisiko kepada cara penunggangan yang selamat agar visi untuk mengurangkan kadar kemalangan maut melibatkan penunggang p-hailing dapat direalisasikan.

Majlis pelancaran ini telah dirasmikan oleh Menteri Pengangkutan Malaysia, YB Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong dan turut dihadiri oleh Timbalan Ketua Setiausaha Dasar, Kementerian Pengangkutan Malaysia, Puan Normah Osman, Pengerusi Lembaga Pengarah MIROS, Datuk Suret Singh, Ketua Pengarah MIROS, PPj. Kehormat (PA) Ir. Ts. Dr. Khairil Anwar Abu Kasim dan Pengarah Bahagian





KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
MALAYSIA

Penguatkuasa Undang-undang JPJ, Tuan Khairul Anwar Bachok pada hari ini di IOI City Mall, Putrajaya.

KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA
9 APRIL 2021

- TAMAT -

¹ Sehingga bulan Disember 2020, sejumlah 4,297 kematian akibat kemalangan jalan raya telah direkodkan (rekod daripada PDRM), dengan purata 358 kematian sebulan. Namun, data tahun 2020 tidak sesuai digunakan akibat kesan pandemik Covid-19 kepada sistem pengangkutan darat negara. Susulan kepada pandemik tersebut, telah terdapat pengurangan kematian akibat kemalangan di jalan raya pada tahun 2020 akibat pengurangan bilangan kenderaan di atas jalan

Tentang MOT:

Kementerian Pengangkutan Malaysia bertekad untuk menjadi peneraju transformasi sistem pengangkutan yang bersepadu, efisien dan selamat dengan memperkasakan sistem pengangkutan berteraskan teknologi sebagai pemangkin pembangunan negara.

Pertanyaan Media

Kementerian Pengangkutan Malaysia

Tel +603 8892 1006 (Setiausaha Akhbar)
+603 8892 1027 (Unit Komunikasi Korporat)
Faks +603 8892 0208
E-mel sua@mot.gov.my
unitkomunikasikorporat@mot.gov.my

